

Berhijrah Dari Perniagaan Tunggal  
ke Syarikat Sdn Bhd

# Implikasi Cukai



Bersama  
**SALIHIN ABANG**  
CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IIUM)  
Asna Tax Services  
Sdn Bhd  
www.salihin.com.my

**U**NTUK memulakan perniagaan, ada beberapa cara yang biasa digunakan oleh para usahawan. Pada kebiasaannya, para usahawan memulakan perniagaan mereka dengan pemilikan tunggal dan seterusnya memperbadankan perniagaan tunggal menjadi syarikat sendirian berhad. Contoh perniagaan tunggal seperti Fazrun Resources, Hafiz Hashim Enterprise dan sebagainya.

Perniagaan tunggal merupakan sebuah perniagaan yang dimiliki oleh seorang individu di mana risiko liabiliti tidak terhad kepada perniagaannya saja, tetapi boleh membabitkan harta dan pelaburan individu peniaga itu sendiri. Inilah antara kelemahan dalam perniagaan tunggal. Biasanya pemilik perniagaan tunggal berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan (ROB). Dari segi percukaian, cukai akan dikenakan ke atas individu peniaga terbabit. Untuk tujuan percukaian, akaun untung rugi hendaklah disediakan dan penghantaran Borang B kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dilakukan pada waktu yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, Borang B untuk perniagaan yang dijalankan pada tahun berakhir Disember 2007, hendaklah dihantar

selewat-lewatnya pada 30 Jun 2008. Denda akan dikenakan sekiranya borang lambat dihantar dari tarikh tersebut.

Syarikat sendirian berhad pula adalah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat sendirian berhad mempunyai kelebihan berbanding perniagaan tunggal dalam beberapa perkara. Antara kebajikannya adalah, syarikat sendirian mempunyai liabiliti terhad. Maksudnya, sebarang tuntutan hutang adalah dihadkan kepada syarikat. Untuk tujuan percukaian, syarikat sebagai satu badan tersendiri, dikehendaki mempunyai fail cukai sendiri, iaitu fail C. Syarikat dikehendaki menghantar Borang C pada waktu yang telah ditetapkan oleh LHDN.

Dari segi percukaian pula, syarikat sendirian berhad adalah lebih fleksibel berbanding perniagaan tunggal. Di sini kami rumuskan kebaikan syarikat sendirian berhad berbanding perniagaan milikan tunggal bagi membantu anda membuat keputusan yang bijak dan tepat.

## KELEBIHAN SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD Cukai Jimat

Pada masa kini (tahun 2008) kadar cukai pendapatan syarikat adalah 26 peratus. Bagaimanapun, bagi syarikat kecil dan sederhana yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kadar cukai adalah 20 peratus ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000 pertama dan bakinya adalah pada kadar 26 peratus. Ini adalah kelebihan utama syarikat sendirian berhad berbanding perniagaan tunggal di mana mereka boleh membuat penjimatan cukai sebanyak 7 peratus.

## Pelbagaikan Pendapatan Yang Diterima

Para usahwan juga boleh mempelbagaikan pendapatan yang diterima. Antaranya anda boleh memilih berapa banyak pendapatan yang diterima sebagai gaji, bonus, yuran



• Urusan percukaian sama ada syarikat tunggal dan sendirian berhad perlu menghantar borang cukai pada waktu yang ditetapkan oleh LHDN

pengarah, manfaat berupa barangan, dividen dan lain-lain lagi. Pilihan yang dibuat akan memberikan impak yang berlainan ke atas apa yang telah dipilih. Contoh dalam syarikat terkawal (controlled company), jumlah pakej pengajian boleh dirancang dan dilaksanakan dengan konsisten. Pemberian gaji dan elaun serta manfaat berupa barangan adalah mengikut persetujuan para pemegang saham dan pengarah syarikat dengan mengambil kira implikasi cukai.

### Peluang Pekerjaan Kepada Ahli Keluarga

Di samping itu, anda boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada isteri dan ahli keluarga yang lain dengan melantik mereka sebagai pengarah atau pekerja. Secara tidak langsung pendapatan syarikat juga akan menjadi pendapatan mereka. Anda boleh menggunakan fleksibiliti yang ada bagi memperolehi kombinasi cukai yang lebih efisien dan berkesan. Contohnya, bayaran fi kepada pengarah. Tetapi dalam melaksanakan kaedah ini, beberapa perkara perlu diteliti, contohnya bayaran hendaklah munasabah dengan kepentingan dan tanggungjawab mereka dalam syarikat dan bayaran hendaklah konsisten. Melalui Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak LHDN mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan perbelanjaan yang mempunyai niat untuk membuat pelarian cukai.

### Manfaat Dari Segi Barangan

Selain itu, kelebihan juga boleh diperolehi melalui manfaat berupa barangan seperti kereta. Ini kerana menurut aspek percukaian, adalah lebih menguntungkan memberikan manfaat berupa barangan kepada pekerja lain termasuk pengarah berbanding bekerja sendiri. Syarikat juga dibenarkan menuntut perbelanjaan berkaitan kenderaan tersebut dan dalam masa yang sama layak menuntut elaun modal atau pajakan sewa kereta bergantung kepada skim pembiayaan yang diambil.

### Tuntutan Perbelanjaan Syarikat

Sumbangan KWSP atau skim yang diluluskan yang dibayar untuk pekerja dan majikan boleh dituntut oleh syarikat sendirian berhad sebagai perbelanjaan. Adalah digalakkan syarikat membayar caruman majikan penuh sebanyak 18 peratus untuk mendapat tuntutan perbelanjaan maksima untuk syarikat.

### Pelbagai Galakan Cukai

Sesebuah syarikat sendirian berhad berpeluang untuk menikmati pelbagai galakan cukai seperti taraf perintis, *investment tax allowances*, *reinvestment allowance* dan



• CEKAP ... syarikat terkawal, boleh merancang pengajian pekerja dan dilaksanakan dengan konsisten

lain-lain lagi. Galakan cukai ini hanya boleh diperolehi oleh sesebuah syarikat sendirian berhad.

Seperti yang kita ketahui, jika berlaku peralihan perniagaan tunggal kepada sendirian berhad, pastinya akan berlaku implikasi cukai. Oleh itu, terdapat beberapa aspek yang perlu dititikberatkan.

Salah satu aspek penting dalam syarikat ialah struktur pemegang saham. Jika anda ingin memindahkan perniagaan tunggal ke syarikat sendirian, adakah anda ingin memiliki keseluruhan saham atau membahagikannya kepada pihak lain. Ini akan membabitkan pembayaran dividen di kemudian hari nanti dan terlibat pakej pengajian pengarah dan pekerja.

Jika anda ingin memindahkan hartanah dan bangunan kepada syarikat sendirian berhad, terdapat beberapa pilihan perlu dilakukan di mana setiap pilihan akan memberikan impak serta-merta dan liabiliti kepada Cukai Keuntungan Hartanah (CKHT).

Secara keseluruhannya, para usahawan perlu memberi perhatian terhadap aspek percukaian apabila berpindah dari perniagaan tunggal ke syarikat sendirian berhad. Daripada penjelasan di atas, kita dapati banyak kelebihan dan manfaat dari segi percukaian yang boleh didapati daripada syarikat sendirian berhad. **US**

**PERCUMA!**

**KLINIK CUKAI**

**Walk-in Consultation (setiap Jumaat)**

• 9 pagi - 12 tengahari

• 2 petang - 5 petang

atau email: [info@salihin.com.my](mailto:info@salihin.com.my) (24 jam)

Sila hubungi untuk temujanji anda di talian  
603 61874678 atau email kami sekarang!!

\*\* Terkluk kepada terma dan syarat